



LAPORAN TAHUNAN 2024



JABATAN PERKHIDMATAN
VETERINAR SABAH

PERUTUSAN PENGARAH

Salam Sejahtera

Buku Laporan Tahunan ini diterbitkan sebagai rekod dan dokumentasi rasmi mengenai aktiviti, program serta pencapaian Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah sepanjang tahun 2024. Ia turut menjadi bahan rujukan kepada warga jabatan, pemegang taruh serta generasi akan datang.

Seiring dengan visi DVS Sabah untuk menjadi agen peneraju transformasi perkhidmatan veterinar dan industri ternakan, tahun 2024 telah menyaksikan pelbagai inisiatif dan usaha dilaksanakan bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta menyokong pembangunan industri ternakan di Sabah. Laporan ini merangkumi pencapaian dan pelaksanaan aktiviti jabatan sebagai gambaran komitmen berterusan dalam memenuhi keperluan rakyat.

Setiap pencapaian yang diraih merupakan hasil kerjasama, komitmen dan semangat berpasukan seluruh warga DVS Sabah. Saya berharap nilai-nilai ini akan terus diperkukuhkan bagi memastikan perkhidmatan veterinar sentiasa relevan, cekap dan responsif terhadap keperluan semasa.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga DVS Sabah serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Sabah

PROFIL JABATAN

LOGO JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SABAH



TAFSIRAN LOGO

Keterangan:

Logo ini merupakan kesinambungan daripada logo yang lama di mana terdapat lingkaran yang bertulis nama jabatan yang baru iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah.

Tanduk:

Mewakili visi dan misi jabatan iaitu:

- Industri ternakan yang komersial, bersepadu dan mantap untuk mengeluarkan makanan yang berkualiti bagi mencapai tahap sara diri yang berkekalan dan eksport.
- Memberikan perkhidmatan veterinar dan pengurusan ternakan yang professional sebagai pemangkin kepada industri ternakan yang mantap bagi membekal makanan daripada hasil ternakan yang bermutu dan selamat.

Huruf V:

Melambangkan perkhidmatan veterinar serta lima (5) objektif utama Jabatan iaitu:

- Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik.
- Menentukan bahan-bahan haiwan untuk makanan suci, bersih dan sesuai untuk dimakan.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri haiwan yang mantap.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri makanan haiwan.
- Menentukan kebajikan dan kesejahteraan semua haiwan sentiasa terpelihara.

Bentuk Telur:

Menggambarkan simbol benih lembaga di mana semua kehidupan bermula untuk pertumbuhan dan perkembangan

Warna Ungu:

Mewakili perkhidmatan veterinar.

Warna Putih:

Menggambarkan kebersihan bumi Negeri Sabah, di mana status kesihatan yang bebas daripada penyakit haiwan utama.

Warna Hijau:

Mewakili kawasan kehijauan dalam negeri iaitu padang ragut dan makanan untuk ternakan

Warna Merah:

Mewakili perkhidmatan yang diamanahkan kepada jabatan.

Pada keseluruhannya logo ini melambangkan moto jabatan iaitu ***Pengeluaran dan kesihatan ternakan yang mapan.***

LATAR BELAKANG

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak) merupakan salah satu daripada empat jabatan di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah. Jabatan ini telah diwujudkan pada 1hb Januari 1976. Sebelum ini sektor ternakan di Sabah telah dikawalselia oleh jabatan pertanian Sabah dibawah naungan Bahagian Perusahaan Ternak yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah.

Tugas Utama pada waktu tersebut sebahagian besar meliputi program pencegahan jangkitan penyakit dan rawatan ternakan. Hanya pada 1 Januari 1976, Bahagian ini ditauliahkan menjadi sebuah jabatan dengan nama Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak diketuai oleh seorang Pengarah. Aktiviti jabatan ini juga diperluaskan untuk mencakup pengeluaran dan pembangunan industri ternakan di Sabah.

VISI

Untuk menjadi agen peneraju transformasi perkhidmatan veterinar dan industri ternakan yang dinamik.

MISI

Memberikan perkhidmatan veterinar dan pengurusan ternak yang professional dan inovatif kepada industri ternakan bagi menjamin pengeluaran makanan yang berkualiti dan selamat.

OBJEKTIF

- I. Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik.
- II. Menentukan bahan-bahan haiwan untuk makanan manusia suci, bersih dan sesuai untuk dimakan.
- III. Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri haiwan yang mantap.
- IV. Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri makanan haiwan.
- V. Menentukan kebajikan dan kesejahteraan semua haiwan sentiasa dipelihara.

FUNGSI

- I. Pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan ternakan.
- II. Pengawalan, pencegahan dan penghapusan penyakit haiwan, kuarantin dan penyelidikan.
- III. Penggandaan latihan bagi industri ternakan.
- IV. Pengawalan import dan eksport ternakan dan hasil ternakan.
- V. Pemeriksaan daging, susu, telur dan pengawalan tempat penyembelihan.
- VI. Pengembangan pengeluaran dan kesihatan ternakan.

SEKSYEN PERANCANGAN

Latihan dan Kursus

Aktiviti latihan untuk kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS) dan juga untuk penternak telah mula dilaksanakan di Pusat Latihan Menternak, Bantayan (PLMB) yang siap dibina pada tahun 1989 dan mula menawarkan pelbagai program latihan pada bulan Julai 1989. Pada Januari 2005, pihak pengurusan tertinggi DVS telah membuat keputusan untuk menggabungkan Unit Latihan, Unit Penyelidikan dan Unit Penerangan yang ditempatkan di kawasan yang sama menjadi kompleks latihan yang lebih besar dan dikenali sebagai Pusat Pengurusan Veterinar (PPV) dan ditadbir oleh seorang Pegawai Penguasa Latihan. Pegawai Penguasa Latihan pula bertanggungjawab kepada Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Perancangan, Ibu Pejabat DVS, Wisma Pertanian Kota Kinabalu. Kompleks latihan ini ditubuhkan sebagai usaha kerajaan Negeri Sabah melalui DVS Sabah untuk meningkatkan kompetensi kerja pegawai atau kakitangan jabatan dan juga penternak serta orang awam melalui peningkatan tahap pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap positif bersesuaian dengan aspirasi kerajaan ke arah memajukan lagi bidang industri ternakan di Sabah.

Jadual 1: Ringkasan Laporan Pencapaian Program Latihan Tahun 2024

No	Jumlah Program	Bilangan Peserta		Jumlah
		Anggota	Awam	
1	75 Program	1,357	1,305	2,662

Program untuk Anggota - 44

Program Penternak/Awam - 31

Program dalam kalender Perancangan Program Latihan - 59

Unit Perpustakaan

Objektif

1. Menyimpan dan memelihara bahan-bahan terbitan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah supaya bahan ini terjaga dengan selamat sebagai koleksi terbitan jabatan dan dapat digunakan sepanjang zaman.
2. Membekal dan mengumpul koleksi bahan perpustakaan dalam subjek-subjek yang lebih komprehensif bagi memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan organisasi dalam mencapai visi dan misi jabatan.
3. Membantu pihak Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Negeri Sabah dalam menggalakkan penggunaan dan kemudahan perkhidmatan dan sumber-sumber perpustakaan kearah masyarakat yang berilmu pengetahuan.
4. Memastikan setiap maklumat disebar, dipelajari dan digunakan oleh setiap anggota dan pegawai di jabatan kerajaan.

Jadual 2: Jumlah pengunjung dan pengguna bahan

Perkara	Bilangan
Pengunjung	722orang
Pinjaman bahan	42 naskah
Peminjam	29 orang
Ahli baharu	4 orang
Rujukan Bahan	63 naskah

Jadual 3: Jumlah perolehan bahan

Perkara	Bilangan	Kos (RM)
Bukuteks	21 naskah	1,137.60
Terbitan jabatan	220 naskah #DVS Sabah = 79 naskah #Pelbagai = 141 naskah	0.00
Terbitan berkala	41 naskah #Journal = 35 naskah #Pelbagai = 12 naskah	43,625.85 0.00
Jumlah Keseluruhan		44,763.45

PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

Unit Industri Tenusu

Pendahuluan

Projek Lembu Tenusu (PLT) yang telah diperkenalkan oleh JPHPT sejak tahun 1982 telah diubah tajuknya menjadi Projek Menaik Taraf Pusat Pengumpulan Susu Sabah dengan skop dan lokasi yang sama. Beberapa strategi telah dirancang dengan rapi dan teratur untuk mencapai objektif-objektifnya. Sistem projek ini yang dirangka secara PAKEJ telah merangsang perkembangan projek ini mengikut perancangan. Jumlah penternak yang masih aktif pengeluaran susu segar sebanyak 7,492,174.39 juta liter.

Jadual 4. Perbandingan Prestasi Projek Lembu Tenusu Mengikut Daerah (2023-2024)

MCC	PROD. SUSU		KELAHIRAN		KEMATIAN		PROD.	LAHIR	MATI
	2023	2024	2023	2024	2023	2024	SUSU(%)	(%)	(%)
KENINGAU	6,606,079.39	6,348,543.15	2,194	1,864	740	654	-3.90	-17.70	-11.62
TENOM	382,942	195,062	91	152	5	20	-49.06	40.13	300.00
KUDAT	4,699	2,550	2	0	11	0	-45.73	0.00	-100.00
TAWAU	10,531	14,183	10	15	5	1	34.68	33.33	-80.00
K.MRUDU	369,247	443,241	30	160	0	0	20.04	81.25	0.00
TUARAN	0	0	0	0	0	2	0.00	0.00	0.00
BEUFORT	12,934	2,378	9	1	3	2	-81.61	-800.00	-33.33
BONGWN	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00
MBKUT	0	0	3	0	6	8	0.00	0.00	33.33
RANAU	55,142	50,178	21	20	2	2	-9.00	-5.00	0.00
PAPAR	50,600	25,624	7	10	14	15	-49.36	30.00	7.14
MBUK	0	0	3	0	5	5	0.00	0.00	0.00
Jumlah	7,492,174.39	7,081,759.15	2,370	2,370	791	791			

Seksyen Pembangunan Sumber Genetik

Objektif

- I. Menyusun semula sistem pengurusan ladang-ladang ternakan jabatan sebagai model ladang yang berimpak tinggi dalam Rancangan Malaysia ke 11.
- II. Menyelaraskan pengeluaran baka ternakan bernilai biak tinggi dalam Rancangan Malaysia ke 11.
- III. Menilai dan menambahbaik pelbagai teknologi dan sistem pengeluaran ternakan ladang dan hasil ternakan yang sedia ada dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 11.
- IV. Memberi khidmat kepakaran teknikal, bimbingan dan latihan dalam aspek pengeluaran dan pengurusan ternakan serta hasil ternakan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 11.
- V. Menjalinkan kolaborasi/kerjasama dengan pelbagai pihak dalam bidang kaji selidik gunaan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 11.
- VI. Melaksanakan program kepastian kualiti untuk pentauliahan MYGAP dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 11.

Jadual 6. Prestasi Ladang Ruminan Jabatan DVS 2024

LADANG	POPULASI	KELAHIRAN	KEMATIAN	JUAL		AGIHAN	HASIL (RM)
				BAKA	TAKAI		
PUSAT PEMBIAKBAKAAN KAMBING LAHAD DATU	73	43	5	10	5	0	17,179.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN KAMBING KALAHARI SABAHAN KUNAK (LADANG)	71	16	11	15	1	1	9,709.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN KAMBING KALAHARI SABAHAN KUNAK (PSE)	0	0	4	0	0	0	0
PUSAT PEMBIAKBAKAAN KAMBING PURUTAN TAMBUNAN	134	32	73	6	1	0	2,713.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN KAMBING BONGAWAN	50	0	0	0	10	0	3,338.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN KAMBING DAN BEBIRI RANAU	349	54	58	29	3	73	11,155.90
PUSAT PEMBIAKBAKAAN BEBIRI, TELUPID	224	20	24	12	3	0	7,956.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN LEMBU PEDAGING PULAU SEBATIK	241	7	0	0	3	0	8,790.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN LEMBU PEDAGING KALUMPANG	197	0	21	0	3	522	6,104.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN LEMBU PEDAGING TIMBANG MENGGARIS	140	12	7	0	7	0	13,320.00
PUSAT NUKLEUS LEMBU BRAHMAN TAWAU	156	54	34	34	9	79	167,584.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN LEMBU PEDAGING WARIO KOTA BELUD	120	9	10	2	19	155	38,048.00
PROJEK LADANG PEMBIAKBAKAAN KERBAU SAWAH NUKLEUS TELUPID	108	13	4	1	1	0	8,000.00
PUSAT PEMBIAKBAKAAN KERBAU TELUPID	448	71	39	6	78	0	222,434.00
PUSAT PEMBANGUNAN PAYAU TELUPID	237	50	2	56	23	0	68,858.00
SKIM PEMBANGUNAN TERNAKAN NABAWAN (LEMBU)	0	0	0	0	0	0	0
SKIM PEMBANGUNAN TERNAKAN NABAWAN (KAMBING)	185	7	55	36	27	65	19,732.00

Unit Sosioekonomi

Pendahuluan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah telah menawarkan tiga projek ruminan pedaging pada tahun 2024 iaitu Program Memperkasa Ruminan Sabah, Projek Integrasi Ternakan (PINTAR) dan Program Pembangunan Usahawan Kambing yang memfokuskan tiga komoditi ternakan seperti lembu pedaging, kambing pedaging dan bebiri. Program ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Polisi Pertanian Negeri Sabah 3 dalam meningkatkan tahap kadar sara diri daging ruminan dan memperkukuhkan industri ternakan ruminan. Jumlah populasi ternakan bagi peserta projek jabatan adalah 20,104 ekor bagi lembu pedaging, 8,351 ekor bagi kambing pedaging, 78 ekor bagi bebiri dan 536 ekor bagi kerbau pedaging. Diharapkan jumlah populasi ini dapat ditingkatkan lagi dengan menggiatkan pembangunan penternak yang baru dan sedia ada melalui projek - projek ruminan pedaging yang ditawarkan oleh jabatan.

Carta Pai 1: Sumber Agihan Ternakan Tahun 2024



Jadual 7: Jumlah keseluruhan agihan tahun 2024

Jenis Ternakan	Jumlah agihan (Ekor)	Jumlah peserta projek (Orang)
Lembu Pedaging	77 jantan dan 1568 betina	36
Kambing pedaging	68 jantan dan 1229 betina	45
Bebiri	3 jantan dan 70 betina	2

Prestasi Projek Ternakan Ruminan Pedaging

Jadual 8: Ringkasan Prestasi Projek Ternakan Ruminan Pedaging Tahun 2024

Jenis Ternakan			LEMBU PEDAGING	KAMBING PEDAGING	BEBIRI	KERBAU PEDAGING
Bilangan penternak	Aktif		89	195	3	2
	Tidak aktif dan berhutang / Tutup ladang		113	260	1	15
Bilangan ternakan	1HR - 12 BLN	J	2553	686	4	11
		B	6152	777	7	23
	13 BLN - 3 THN	J	449	582	4	7
		B	1143	2148	56	67
	Lebih 3 Tahun	J	2464	330	0	40
		B	7343	3828	3	388
Pengagihan	J		80	58	3	0
	B		1518	1165	70	0
Kelahiran	J		1477	1665	3	2
	B		1804	1918	5	3
Kematian	Dewasa	J	37	90	0	1
		B	164	294	23	1
	Anak	J	198	246	0	0
		B	74	233	0	0
Bayaran balik	Anak	J + B	484	46	0	0
	Tunai	J + B	16	280	25	0
		Harga (RM)	27469	82990	0	0
Penjualan	J + B		3365	2487	2	0
	Harga (RM)		89350	2969715	2600	0
Baki hutang			3135	7521	140	94

Jadual 9: Prestasi Projek Ternakan Lembu Pedaging di Enam Buah Wilayah Tahun 2024

Bilangan penternak	Aktif		BEAUFORT	KUDAT	KENINGAU	SANDAKAN	TAWAU	JUMLAH
			5	15	11	13	45	89
	Tidak aktif danberhutang/ Tutup ladang		8	26	23	1	55	113
Bilangan ternakan	1Hr - 12 Bln	J	2	5	54	21	2471	2553
		B	4	12	61	15	6060	6152
	13 Bln - 3 Thn	J	11	14	8	8	408	449
		B	40	33	101	103	866	1143
	Lebih 3 Thn	J	16	23	71	20	2334	2464
		B	54	220	254	219	6596	7343
Pengagihan	J		4	4	2	13	56	80
	B		9	50	23	335	1091	1518
Kelahiran	J		10	14	126	200	1127	1477
	B		14	23	99	231	1437	1804
Kematian	Dewasa	J	2	1	1	0	33	37
		B	13	1	56	0	94	164
	Anak	J	3	1	66	9	119	198
		B	5	0	8	10	51	74
Bayaran balik	Anak	J + B	0	0	27	23	434	484
	Tunai	J + B	6	1	1	0	8	16
		Harga (RM)	7611	1544	2259	0	15075	27469
Penjualan	J + B		4	11	102	89	3159	3365
	Harga (RM)		15550	27000	46800 (96 ekor tidak dinyatakan)	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	89350
Baki hutang			206	355	529	235	1810	3135

Jadual 10: Prestasi Projek Ternakan Kambing Pedaging di Enam Buah Wilayah Tahun 2024

Bilangan penternak	Aktif		BEAUFORT	KOTA KINABALU	KUDAT	KENINGAU	SANDAKAN	TAWAU	JUMLAH
			27	15	58	21	17	57	195
	Tidak aktif dan berhutang / Tutup ladang		48	7	38	41	1	125	260
Bilangan ternakan	1HR - 06 Bln	J	70	56	108	55	93	304	686
		B	78	57	114	53	116	359	777
	07 Bln - 3 Thn	J	90	18	75	33	44	322	582
		B	304	443	111	94	130	1066	2148
	Lebih 3 Thn	J	40	22	84	21	30	133	330
		B	322	31	512	361	499	2103	3828
Pengagihan	J		5	1	6	3	22	16	53
	B		105	20	135	30	445	360	1095
Kelahiran	J		123	311	67	165	158	841	1665
	B		124	307	284	162	181	860	1918
Kematian	Dewasa	J	13	8	17	43	4	5	90
		B	54	21	100	23	5	91	294
	Anak	J	75	13	1	41	10	106	246
		B	59	13	2	57	9	93	233
Bayaran balik	Anak	J + B	5	10	0	6	0	25	46
	Tunai	J + B	97	51	0	20	0	111	280
		Harga (RM)	29354	16601	0	4156	0	32879	82990
Penjualan	J + B		127	706	112	173	108	1261	2487
	Harga (RM)		191150	1,238,500	89465	217500	Tidak dinyatakan	1,233,100	2969715
Baki hutang			2652	208	1870	514	175	2102	7521

Jadual 11: Prestasi Projek Ternakan Bebiri di Enam Buah Wilayah Tahun 2024

Bilangan penternak	Aktif		KOTA KINABALU	KUDAT	KENINGAU	JUMLAH
			1	1	1	3
	Tidak aktif dan berhutang Tutup ladang		0	0	1	1
Bilangan ternakan	1HR - 06 BLN	J	4	0	0	4
		B	7	0	0	7
	07 BLN - 3 THN	J	4	0	0	4
		B	56	0	0	56
	Lebih 3 Tahun	J	0	0	0	0
		B	0	3	0	3
Pengagihan	J		2	0	1	3
	B		50	0	20	70
Kelahiran	J		1	2	0	3
	B		1	4	0	5
Kematian	Dewasa	J	0	0	0	0
		B	1	22	0	23
	Anak	J	0	0	0	0
		B	0	0	0	0
Bayaran balik	Anak	J + B	0	0	0	0
	Tunai	J + B	0	0	25	25
		Harga (RM)	0	0	0	0
Penjualan	J + B		2	0	0	2
	Harga (RM)		2600	0	0	2600
Baki hutang			103	16	21	140

Jadual 12: Prestasi Projek Ternakan Kerbau di Enam Buah Wilayah Tahun 2024

Bilangan penternak	Aktif		BEAUFORT	TAWAU	JUMLAH
			2	0	2
	Tidak aktif dan berhutang / Tutup ladang		12	3	15
Bilangan ternakan	1HR - 12 BLN	J	11	0	11
		B	23	0	23
	13 BLN - 3 THN	J	7	0	7
		B	67	0	67
	Lebih 3 Tahun	J	40	0	40
		B	388	0	388
Pengagihan	J		0	0	0
	B		0	0	0
Kelahiran	J		2	0	2
	B		3	0	3
Kematian	Dewasa	J	1	0	1
		B	1	0	1
	Anak	J	0	0	0
		B	0	0	0
Bayaran balik	Anak	J + B	0	0	0
	Tunai	J + B	1	0	0
		Harga (RM)	1375	0	0
Penjualan	J + B		0	0	0
	Harga (RM)		0	0	0
Baki hutang			38	56	94

Jadual 13: Penilaian Prestasi Ladang

JENIS TERNAKAN	PARAMETER				ULASAN
	KADAR KELAHIRAN (%)	KADAR KEMATIAN (%)			
		INDUK	PEJANTAN	ANAK	
LEMBU PEDAGING	38.66	1.93	1.27	8.29	● Kadar kelahiran dikategorikan cukup baik terutamanya bagi penternak komersial dan semi komersial kerana pengurusan siklus reproduksi, pemakanan dan kesihatan yang lebih teratur dan cekap. Selain itu, aktiviti pernian beradas yang dilaksanakan oleh penternak komersial telah melonjakkan kadar kelahiran ternakan lembu pedaging. Pemeliharaan ternakan secara integrasi juga menyumbang kepada peningkatan kadar kelahiran kerana ketersediaan sumber makanan ternakan yang pelbagai dan bernutrisi seperti pelepah sawit, daun kelapa sawit dan PKC yang mengoptimumkan fungsi sistem reproduksi dan akhirnya meningkatkan kadar kelahiran dan kebuntingan. ● Kadar kematian bagi induk, pejantan dan anak masih berada di tahap rendah namun masih boleh dikurangkan dengan meningkatkan sistem pemeliharaan dan pengurusan biosekuriti ladang lebih cekap.
KAMBING PEDAGING	59.96	4.92	9.87	13.37	● Kadar kelahiran baik kerana kambing memiliki siklus reproduksi yang lebih pendek jika dibandingkan dengan lembu dan mampu melahirkan anak kembar. Ini ditambah lagi dengan pengurusan ladang ternakan yang baik hingga meningkatkan kadar kebuntingan dan kelahiran. Kepelbagaian makanan alternatif yang bernutrisi yang dihasilkan oleh penternak juga menyumbang kepada peningkatan kadar kelahiran ternakan. ● Kadar kematian bagi induk, pejantan dan anak dapat dikurangkan dengan meningkatkan sistem pemeliharaan dan pengurusan biosekuriti ladang lebih cekap.
BEBIRI	13.56	38.96	1.27	0	● Kadar kelahiran rendah dapat disebabkan oleh kurangnya induk betina yang dapat melahirkan. Antara faktor yang dapat menyebabkan kurangnya jumlah induk betina yang subur ini adalah pengurusan penyakit, pemakanan dan pemeliharaan yang kurang. ● Kadar Kematian sangat tinggi bagi induk betina boleh disebabkan oleh penyakit dan sistem pemeliharaan ternakan yang tidak teratur. Oleh itu, ladang perlulan meningkatkan
KERBAU	4.26	2.13	1.11	9	● Kadar kelahiran sangat rendah disebabkan siklus reproduksi yang lebih lama dan tahap keberhasilan kebuntingan sangat rendah. ● Kadar kematian bagi induk, pejantan dan anak dapat dikurangkan dengan meningkatkan sistem pemeliharaan dan pengurusan biosekuriti ladang lebih cekap.

Jadual 14: Jenis Makanan Ternakan dan Jumlah di Keluarkan 2024

JENIS MAKANAN TERNAKAN	BILANGAN KARUNG	BERAT (M.TON)	Peratus (%)
Lembu Tenusu (Dairy Supplement)	761	38.05	6.131
Lembu Pedaging (Cattle Supplement)	4,210	210.5	33.916
Lembu Pemula (Calf Starter)	672	33.6	5.414
Kambing Pembesar (Goat Supplement)	3,791	189.55	30.541
Itik Pemiak (Duck Breeder)	1,169	58.45	9.418
Ayam Pemiak (Poultry Breeder)	19	0.95	0.153
Ayam Pemula (Poultry Starter)	30	1.5	0.242
Puyuh Pemula (Quail Starter)	-	-	-
Biri-biri (Sheep Supplement)	1,761	88.05	14.187
Angsa Pemiak (Geese Breeder)	-	-	-
Turki Pemiak (Turkey Breeder)	-	-	-
Jumlah	12,413	620.65	100

Jadual 15: Jenis Makanan Ternakan dan Jumlah di Bekalkan Ke ladang 2024

JENIS MAKANAN TERNAKAN	BILANGAN KARUNG	BERAT (M.TON)	Peratus (%)
Lembu Tenusu (Dairy Supplement)	729	36.45	5.889
Lembu Pedaging (Cattle Supplement)	4,474	223.7	36.139
Lembu Pemula (Calf Starter)	532	26.60	4.297
Kambing Pembesar (Goat Supplement)	3,801	190.05	30.703
Itik Pemiak (Duck Breeder)	1,279	63.95	10.331
Ayam Pemiak (Poultry Breeder)	19	0.95	0.153
Ayam Pemula (Poultry Starter)	38	1.9	0.307
Puyuh Pemula (Quail Starter)	-	-	-
Angsa Pemiak (Geese Breeder)	-	-	-
Turki Pemiak (Turkey Breeder)	-	-	-
Biri-biri (Sheep Supplement)	1,508	75.4	12.181
Jumlah	12,380	619.0	100

BAHAGIAN KESIHATAN VETERINAR

Seksyen Penguatkuasa Veterinar

Pengenalan

Unit Penguatkuasaan Veterinar adalah salah satu unit dibawah Seksyen Kesihatan Awam Veterinar dan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Veterinar. Unit Kesihatan Awam Veterinar telah diwujudkan pada tahun 1986 dibawah seliaan Pegawai Veterinar, di Kepayan. Pada tahun 1994, unit ini dipisahkan dari pentadbiran Pejabat Wilayah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Kepayan, Kota Kinabalu dan diletakkan langsung di bawah Bahagian Epidemiologi dan Perubatan Veterinar. Pada tahun 1998, unit ini ditukar nama menjadi Unit Pencegahan Penyakit Eksotik dan Kesihatan Awam Veterinar. Unit ini kemudiannya dipisahkan daripada Bahagian Epidemiologi dan Perubatan Veterinar pada tahun 2005 dan dijadikan sebagai satu bahagian berasingan iaitu Bahagian Kesihatan Awam Veterinar dan Penguatkuasaan, KAVP.

Jadual 16: Bilangan Pencapaian Aktiviti

Bil	Butiran Aktiviti	Jumlah	Catatan
1	Pemeriksaan Premis-Premis /Bilik Sejuk/ Kontena & Konsaimen	422	
2	Pemeriksaan RPH Swasta	33	
3	Pemeriksaan Ladang/Aduan Pencemaran Ladang Ternakan	25	
4	Pemeriksaan Aduan Penganiayaan Haiwan	58	
5	Pengambilan Sampel Barangan Rampasan	136	
6	Perintah Mahkamah/ Arahan Pelupusan & Aktiviti Pelupusan	46	
7	Operasi Terancang	92	
8	Penyiasatan (Kertas Siasatan Kompaun/ Kertas Siasatan Saman)	80	
9	Pendakwaan	5	
10	Hasil Kutipan (Kompaun/ Lelong)	168,850	

Jadual 17: Data haiwan ternakan dan produk daging/ayam beku tanpa lesen import yang dirampas sepanjang tahun 2024

NO	Jenis Rampasan	KG	TIN	Packet/L&ML
AYAM				
1	Isi Ayam	996		
2	Sayap Ayam Beku	9655		
3	Buntut Ayam Beku	27600		
4	Ayam Perap	2.4		
5	Produk Sosej			19
DAGING LEMBU				
1	Daging Beku	684		
2	Daging Perap	3.85		
3	Meatball			3
BABI				
1	Babi Beku	0.771		
2	Makanan Babi Dalam Tin	691.504		
3	Frozen Pork Belly	7200		
4	Paha Babi Beku	820		
5	Babi Salai	80		
6	Produk Pork Sausage	68.522		
KAMBING				
1	Daging Kambing Perap	2.8		
ITIK				
1	Salted Duck	5.7		
SUSU				
1	Milky Fermentation	34.2		
Cheese				
1	Cheddar		384	9
2	Cheese Slice		10.8	
Yogurt				
1	Pelbagai Jenis Yogurt		63	13.8
Butter				
1	Buttercup	300		
2	Malanga Butter	633.6		
3	Oliobutter	374.4		

Hasil Rampasan Makanan Haiwan Tahun 2024				
NO	Jenis	Packet	Tin	KG
1	Pradosa Boost			1.92

Hasil Rampasan Haiwan Hidup 2024		
NO	Jenis	Ekor
1	Ayam	10
2	Anjing	3
3	Kambing	19
4	Kucing	6
5	Lembu Bali	4
6	Bamboo Rat	2

Makmal Kesihatan Awam Veterinar

Objektif Kualiti MKAVKK

Selaras dengan Sistem Pengurusan MS ISO/IEC 17025:2017, MKAVKK menggariskan tiga (3) objektif kualiti. Berikut adalah senarai objektif kualiti berkenaan iaitu:

- 1. Technical personnel to participate in training (technical or non-technical) for at least 50 hours per year.*
- 2. To have at least 85% of samples achieving 14 days TAT in a year.*
- 3. To achieve 80% of satisfactory results in all the Proficiency Test (PT) in a year.*

Penerimaan kes/sampel sepanjang tahun 2024

Pada tahun 2024, sebanyak 3665 kes yang telah didaftar dan diterima di unit MKAVKK. Jadual 11 menunjukkan bilangan kes/sampel yang diterima bagi setiap unit iaitu Unit Residu Drug Veterinar, Unit Residu Antibiotik dan Kontaminan, Unit Mikrobiologi dan Unit Makanan Ternakan. Sebanyak 6412 sampel pelbagai jenis dan spesis telah diterima dan sebanyak 34481 jenis ujian telah dijalankan.

Jadual 18: Bilangan sampel diterima dan jumlah ujian yang dijalankan mengikut unit makmal

Unit-unit MKAVKK 2024	Bilangan Sampel diterima	Jumlah Ujian dijalankan	Catatan
Unit Residu Drug Veterinar & Unit Residu Antibiotik dan Kontaminan	1536	1536	termasuk Program Persampelan RPH 2024
Unit Mikrobiologi	4367	29382	termasuk Program Persampelan RPH 2024 & Projek Lembu Tenusu DVS
Unit Makanan Ternakan	509	3563	termasuk Program Persampelan Pusat Pemprosesan Makanan Ternakan 2024
JUMLAH BESAR : Kes diterima MKAVKK adalah 3665 (Jumlah QL didaftar dan diterima)	6412	34481	

Unit Residu Drug Veterinar & Unit Residu Antibiotik dan Kontaminan

Pemantauan bulanan bagi ujian residu Beta Agonist dan pemantauan berjadual bagi ujian residu Ractopamine dijalankan ke atas ladang-ladang ternakan babi sepanjang tahun 2024. Sebanyak 612 sampel telah diuji bagi ujian saringan Beta Agonist dan sebanyak 207 sampel telah diuji bagi ujian saringan Ractopamine (Jadual 19).

Unit Residu Drug Veterinar & Unit Residu Antibiotik dan Kontaminan juga terlibat dalam pemantauan residu drug (kloramfenikol & tetrasiklin) secara berjadual bagi Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) swasta dan kerajaan di seluruh negeri Sabah. Sebanyak 191 sampel dan 30 sampel masing-masing telah diuji bagi ujian kloramfenikol dan tetrasiklin bagi memastikan pematuan piawaian yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985.

Jadual 19: Jenis sampel, jenis ujian dan jumlah sampel diuji di Unit Residu Drug Veterinar & Unit Residu Antibiotik dan Kontaminan

<i>Spesis</i>	<i>Jenis Sampel</i>	<i>Ujian Saringan / Pengesahan</i>	<i>Ujian / Bilangan Sampel diuji</i>
<i>Pig</i>	<i>Urine</i>	Saringan Beta Agonist	705
<i>Pig</i>	<i>Urine</i>	Saringan Ractopamine	207
<i>Chicken</i>	<i>Tissue</i>	Saringan Kloramfenikol	282
<i>Chicken</i>	<i>Tissue</i>	Saringan Tetrasiklin	51
<i>Cattle</i>	<i>Raw milk</i>	Mikotoksin & <i>Adulteration</i>	291
Jumlah Sampel Diuji Tahun 2024			1536

Unit Mikrobiologi

Unit Mikrobiologi menjalankan ujian terhadap sampel makanan hasil ternakan, sampel susu dan tenusu, sampel makanan ternakan dan sampel yang berkaitan bagi memastikan kualiti kebersihan sampel makanan dan sampel susu selamat untuk digunakan oleh pengguna. Ujian-ujian terhadap sampel ini juga untuk menyokong proses eksport serta pemantauan higen (indikator higen & patogen) Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) swasta dan kerajaan di seluruh negeri Sabah.

Jadual 13 menunjukkan jumlah keseluruhan penerimaan sampel mikrobiologi mengikut sepsis. Manakala, Jadual 14 pula menunjukkan jumlah penerimaan sampel mengikut ujian yang dijalankan di unit mikrobiologi sepanjang tahun 2024.

Jadual 20: Menunjukkan jumlah keseluruhan penerimaan sampel mikrobiologi mengikut sepsis.

Kategori	Bil.	Species/Product	JUMLAH SAMPEL												JUMLAH
			JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUNE	JULY	AUG	SEPT	OCT	NOV	DIS	
MEAT/MEAT PRODUCT	1	Turkey/Frozen/Product												2	2
	2	Sheep/Frozen/Parts								4			1		5
	3	Pig/Frozen/Products							16	1				1	18
	4	Pig/Frozen/Parts	12	14	12	12	11	11	13	10	10	14	9	10	138
	5	Goat/Frozen/Parts		2								3			5
	6	Deer/Frozen/Parts			1							1			2
	7	Duck/Frozen/Products			1					1		1		1	4
	8	Chicken/Eggs											1		1
	9	Chicken/Frozen/Processed	4	1		4		3	3	8	2	4	8	6	43
	10	Chicken/Frozen/Parts	57	54	58	51	54	55	59	62	50	44	59	57	660
	11	Chicken/Frozen/Offals	3	3	2	3	3	5	7	4	3	2	5	2	42
	12	Cattle/Products/Processed	3	1	1			4	4	9		3	7	1	33
	13	Cattle/Frozen/Parts	5	5	3	3	3	3	1	2	2	1	2	2	32
	14	Buffalo/Frozen/Parts	1	2		2			2	1			1	2	11
	15	Buffalo/Products/Processed									4				4
DAIRY PRODUCTS	16	Dairy Products/Ice Cream	6	1	6	3	6	4		2	6		8	4	46
	17	Dairy Products/Cheese	6	6	6	10	6	6	6	6	7	3	6	6	74
	18	Dairy Products/Butter		1					7						8
	19	Dairy Products/Yogurt	9	11	9	14	8	16		14	7	5	21	18	132
	20	Dairy Products/Bakery Cream							13						13
	21	Dairy Products/Pasteurised Milk/Goat	5	5	4	5	4	5		3	2	1	3	4	41
	22	Dairy Products/Pasteurised Milk/Cattle	17	19	11	18	16	19	2	16	16	13	20	11	178
	23	Dairy Products/Cultured Milk/Cattle	1	1	2				11	1	1		2	3	22
	24	Dairy Products/Milk Powder							1		1		2		4
MISC	25	Miscellaneous/Water	40	26	30	29	22	56		41	51	30	52	38	415
	26	Miscellaneous/Swab	32	38	51	41	29	38	55	31	32	31	68	31	477
	27	Miscellaneous/Feed	51	40	27	88	25	72	50	72	20	59	38	49	591
EBN	28	Edible Bird Nest/Cleaned	4	3	4	1	2	1	11	3	2	4	3	2	40
	29	Edible Bird Nest/Uncleaned	7	9	4	10	3	10	2	4	3	13	19	1	85
	30	Edible Bird Nest/Product					2		11		1		1		15
JUMLAH KESELURUHAN			263	242	232	294	194	308	274	295	220	232	336	251	3141

Jadual 21: Jumlah penerimaan sampel mengikut ujian yang dijalankan di unit mikrobiologi

Kategori	Bil.	Species/product	Bil Sampel	Jenis Ujian yang dijalankan dan jumlah sampel telah diuji					Nitrite
				TBC	TCC	E.CC	SAL spp	STAPH'S	
MEAT/MEAT PRODUCT	1	Turkey/Frozen/Product	2	2	2	2	2	2	
	2	Sheep/Frozen/Parts	5	5	5	5	5	5	
	3	Pig/Frozen/Products	18	18	18	18	18	2	
	4	Pig/Frozen/Parts	138	136	136	136	136	101	
	5	Goat/Frozen/Parts	5	5	5	5	5	5	
	6	Deer/Frozen/Parts	2	2	2	2	2	1	
	7	Duck/Frozen/Products	4	4	4	4	4	2	
	8	Chicken/Eggs	1	1	1	1	1	1	
	9	Chicken/Frozen/Processed	43	42	42	42	42	37	
	10	Chicken/Frozen/Parts	660	657	657	657	657	540	
	11	Chicken/Frozen/Offals	42	42	42	42	42	35	
	12	Cattle/Products/Processed	33	32	32	32	32	21	
	13	Cattle/Frozen/Parts	32	32	32	32	32	21	
	14	Buffalo/Frozen/Parts	11	10	10	10	10	8	
	15	Buffalo/Products/Processed	4	4	4	4	4	4	
DAIRY PRODUCTS	16	Dairy Products/Ice Cream	46	46	46	46	46	19	
	17	Dairy Products/Cheese	74	74	74	74	74	6	
	18	Dairy Products/Butter	8	8	8	8	8	1	
	19	Dairy Products/Yogurt	132	132	132	132	132	22	
	20	Dairy Products/Bakery Cream	13	13	13	13	13	4	
	21	Dairy Products/Pasteurised Milk/Go	41	41	41	41	41	2	
	22	Dairy Products/Pasteurised Milk/Ca	178	171	171	171	171	3	
	23	Dairy Products/Cultured Milk/Cattle	22	22	22	22	22	4	
	24	Dairy Products/Milk Powder	4	4	4	4	4	2	
MISC	25	Miscellaneous/Water	415	415	415	415	415	4	
	26	Miscellaneous/Swab	477	469	457	462	463	2	
	27	Miscellaneous/Feed	591	229	217	554	587	21	
EBN	28	Edible Bird Nest/Cleaned	40	34	34	39	39	28	17
	29	Edible Bird Nest/Uncleaned	85	73	73	73	73	73	47
	30	Edible Bird Nest/Product	15	15	15	15	15	15	3
JUMLAH KESELURUHAN			3141	2738	2714	3061	3095	991	67

Unit Makanan Ternakan

Sampel makanan ternakan yang dianalisa terdiri daripada jenis rumput, kacang soya, jagung, *pre-mix* dan suplemen makanan haiwan. Analisis dijalankan untuk menyokong proses eksport, pengesahan bahan serta pemantauan dalaman terhadap bekalan makanan ternakan negeri. Sebanyak 509 sampel telah diuji bagi ujian analisis proksimat di MKAVKK iaitu *moisture*, *crude protein*, *crude fat*, *crude fiber*, *total ash* dan *energy* (Jadual 15).


Jadual 22: Jenis sampel, jenis ujian dan jumlah sampel diuji di Unit Makanan Ternakan

Spesis	Jenis Sampel	Ujian	Bilangan Sampel diuji	* Bilangan Sampel diuji
<i>Feed</i>	<i>Feed</i>	Analisis Proksimat	509	0
Jumlah Besar Sampel Diuji Tahun 2024			509	

* Sampel Analisis Proksimat dihantar ujian ke Institut Veterinar Malaysia Kluang, Johor.

Projek Lembu Tenusu

Carta pai 1 menunjukkan jumlah penerimaan susu mentah bagi setiap bulan (Januari – Disember) daripada Pusat Pengumpulan Susu DVS Sabah. Pada tahun 2024, sebanyak 1266 sampel telah diuji bagi ujian mikrobiologi, ujian kualiti susu dan ujian komposisi susu. MCC Keningau telah menghantar sampel terbanyak sebanyak iaitu 439 sampel (36%), diikuti dengan MCC Papar dan MCC Ranau dengan jumlah sampel masing-masing sebanyak 169 sampel (14%) dan 168 sampel (14%). Seterusnya, MCC Tenom sebanyak 153 sampel (12%).




Carta Pai 1: Jumlah penerimaan sampel mengikut Pusat Pengumpulan Susu

Program Persampelan Keselamatan Makanan Negeri – Program Persampelan Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH)

Carta Pai 2 menunjukkan jumlah bilangan sampel yang diterima mengikut wilayah bagi Program Persampelan Keselamatan Makanan Negeri (Program Persampelan RPH). Pada tahun 2024, sebanyak 372 sampel telah dihantar dan diuji di MKAVKK bagi pemantauan ujian mikrobiologi dan ujian residu drug veterinar. Wilayah Kota Kinabalu telah menghantar sampel terbanyak sebanyak 135 sampel (36%), diikuti Wilayah Tawau sebanyak 85 sampel (23%) dan seterusnya Wilayah Sandakan sebanyak 88 sampel (24%). Manakala, Wilayah Beaufort dan Wilayah Keningau masing-masing sebanyak 37 sampel (10%) dan 27 sampel (7%). Tiada sampel yang diterima bagi Wilayah Kudat.

BILANGAN PENERIMAAN SAMPEL MENGIKUT WILAYAH BAGI TAHUN 2024



Carta Pai 2: Bilangan penerimaan sampel mengikut wilayah

Persampelan bagi Program Survalen Anti-Mikrobial Resistant (AMR)


Jadual 16 menunjukkan jumlah keseluruhan sampel yang diterima dan diuji untuk pengesanan ujian E.Coli dan Salmonella *spp*. Sebanyak 139 sampel telah diterima dan telah diuji bagi kedua-dua ujian.

Jadual 23: Jumlah penerimaan sampel bagi program AMR

2024	Jumlah Keseluruhan Penerimaan Sampel	Jumlah Terima dan Diuji Pengesanan E.coli	E.coli Positif	*Dikesan bagi Ujian AST (daripada E.coli)	Jumlah Terima dan Diuji Pengesanan Salmonella spp.	Salmonella spp. Positif	*Dikesan bagi Ujian AST (daripada Salmonella)
JANUARI - DISEMBER	139	139	139	0	139	15	7

Program Penyakit Haiwan (Zoonotik) – Isolasi Salmonella

Jadual 24 menunjukkan jumlah sampel yang diterima dan diuji bagi bulan Januari hingga Disember di MKAVKK. Pada tahun 2024, sebanyak 3141 sampel yang diterima dan diuji bagi pengesanan *Salmonella spp.* Daripada jumlah ini sebanyak 158 sampel dikesan positif bagi pengesanan *Salmonella spp.*



Unit Jaminan Kualiti Veterinar

Pengenalan

Unit JKV merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Perkhidmatan Veterinar yang telah ditubuhkan sejak 2006 yang lalu. Secara amnya unit ini menyelaras aktiviti berkaitan skim akreditasi ladang-ladang, premis, pemantauan aktiviti perladangan, kempen kesedaran, pendaftaran ladang dan pensijilan SCEP melalui program biosekuriti ladang ternakan unggas dan ruminan di negeri Sabah.

Program Jaminan Kualiti (*Quality Assurance Program*) ditakrifkan sebagai aktiviti yang bertujuan untuk mencapai standard yang diperlukan (MS ISO 9001:2015) dan juga merupakan tunjang kepada satu sistem pengiktirafan sesebuah ladang mahupun premis. Untuk mencapai efisiensi yang baik, adalah penting untuk memulakan penyeragaman proses dan pemantapan perkhidmatan kualiti. Program jaminan kualiti akan dapat membantu mengurangkan ketidakpatuhan dan mengelakkan daripada berlaku kesilapan atau ralat yang boleh berlaku secara dalaman. Oleh itu, idea yang jelas tentang jenis dan spesifikasi maklumat yang dicari mesti diketahui sebelum program dimulakan melalui objektif kualiti.

Komponen program JKV dapat dibahagikan kepada tiga peringkat:

1. Peringkat strategik atau organisasi (berkaitan dengan dasar kualiti, objektif dan pengurusan dan biasanya dihasilkan sebagai Manual Kualiti);
2. Taktikal atau berfungsi peringkat (berurusan dengan amalan am seperti latihan, kemudahan, pengendalian QAP); dan
3. Peringkat operasi (berkaitan dengan *Standard Operating Procedures* (SOP)).

Pelaksanaan Aktiviti

Perancangan dan pelaksanaan strategik merupakan salah satu pendekatan pengurusan kualiti untuk mencapai kecemerlangan organisasi. Ia dilaksanakan melalui proses penetapan halatuju, pengenalanpastian isu-isu strategik serta penggubalan strategi-strategi ke arah pencapaian objektif organisasi yang diterapkan.

Sepanjang tahun 2024, Unit JKV telah merancang sasaran pencapaian yang telah dipersetujui dan telah dilaksanakan seperti jadual 25 di bawah:

Persijilan	Unggas		Ruminan		Walit CA	Loji	Ulasan
	RA	CA	RA	CA			
SCEP	13	-					Ladang ayam swasta /Jabatan
MyGAP	11	-	4		50		Ladang swasta / Jabatan
GMP						2	RC (EBN)
GVHP						1	Sarang burung
VHM						7	4 RC / 2 Susu / 1 SH

Pencapaian Unit Jaminan Kualiti Veterinar

Pada 2024, Unit JKV telah menetapkan empat KPI dan ini merupakan sebahagian daripada petunjuk prestasi penting yang diukur dalam Pelan Strategik Unit JKV. Oleh yang demikian, laporan pencapaian pertama KPI ini bukan sahaja mengukur prestasi unit pada tahun semasa, tetapi ia juga menyediakan maklumat prestasi keseluruhan Pelan Strategik yang telah dibangunkan sebelum ini. Penyelarasan kepada KPI yang dibangunkan oleh QAP adalah berdasarkan beberapa buah ladang atau premis swasta yang telah memperolehi sijil SCEP dan MyGAP sebelum ini. Tiga belas (13) daripada tiga belas (13) ladang unggas yang diperbaharui telah menjalankan proses pembaharuan dengan pencapaian 100% pencapaian audit persijilan SCEP. Namun, dua (2) ladang diberi persijilan bersyarat selama setahun dengan pemerhatian dari pihak jabatan.

Prestasi persijilan ini dinilai melalui tiga komponen penting dalam mencapai matlamat Pelan Strategik QAP 2024 iaitu *Review Audit (RA)*, *Compliance Audit (CA)*, pendaftaran dan persijilan. Antara KPI yang menunjukkan pencapaian adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 26 dan disertai dengan senarai ladang/premis:

LADANG UNGGAS	PERSIJILAN	LOKASI	OPERASI	TEMPOH SAH LAKU	
				SCEP	MYGAP
Sum Soon Agric Co S/B	SCEP / MYGAP	Papar	Broiler Breeder	Dec-26	Dec-25
Sum Soon Agric Co S/B	SCEP / MYGAP	Tamparuli	Broiler Breeder	Dec-26	Dec-25
STF Agric S/B	SCEP / MYGAP	Papar	Broiler Breeder	Dec-26	Dec-25
STF Agric S/B	SCEP / MYGAP	Tamparuli	Layer Farm	Dec-26	Dec-25
QL Agroventure S/B	SCEP / MYGAP	Papar	Layer Farm	Dec-26	Dec-25
Ladang Ayam Induk	SCEP / MYGAP	Tuaran	Broiler Breeder	Dec-25	Dec-25
Desa Hatchery	SCEP / MYGAP	Bongawan	Broiler Breeder	Dec-25	Dec-25
Desa Hatchery	SCEP / MYGAP	Bongawan	Broiler Breeder	Dec-25	Dec-25
Desa Hatchery	SCEP / MYGAP	Beaufort	Pusat Penetasan	Dec-25	Dec-25
Zhang Agric S/B	SCEP / MYGAP	Papar	Broiler Breeder	Dec-25	Dec-25
PPUA	SCEP / MYGAP	Tamparuli	Puyuh	Dec-26	Dec-25
QL Farms	SCEP	Tawau	Broiler	Dec 25	Belum ada
QL Farms	SCEP	Tawau	Broiler	Dec 25	Belum ada
QL Farms	SCEP	Tawau	Broiler	Dec 25	Belum ada
QL Farms	SCEP	Tawau	Broiler	Dec 25	Belum ada
Prolific Quality	SCEP	Papar	Layer Farm	Dec-26	Belum ada

Jadual 26:

LADANG RUMINAN	PERSIJILAN	LOKASI	OPERASI	TEMPOH SAH LAKU	
				SCEP	MYGAP
Yap Yun Fook Resources	MYGAP	Keningau	Tenusu	Dec-25	Yap Yun Fook Resources
Ladang Desa Cattle	MYGAP	Kundasang	Tenusu	Dec-25	Ladang Desa Cattle
SPT Sebrang, Keningau, DVS Sabah	MYGAP	Keningau	Tenusu	Dec-25	SPT Sebrang, Keningau, DVS Sabah
Pusat Bioteknologi, Keningau	MYGAP	Keningau	Semen Beku	Dec-25	Pusat Bioteknologi, Keningau

Jadual 26: Persijilan MyGap Ruminan DVS Sabah

LOJI	PERSIJILAN	LOKASI	OPERASI	TEMPOH SAH LAKU	
				SCEP	MYGAP
DESA Lok Kawi	VHM	Lokawi	Rumah Sembelih	Dec-25	DESA Lok Kawi
DESA Cattle	VHM	Kundasang	Loji Susu Segar	Dec-25	DESA Cattle
Sabah Industry Dairies	VHM	Inanam	Loji Susu Segar	Dec-25	Sabah Industry Dairies

Jadual 27: Persijilan MyGap RPH

LOJI	PERSIJILAN	LOKASI	OPERASI	TEMPOH SAH LAKU	
				SCEP	MYGAP
BORNEO YIN WHO S/B	GVHP	Inanam	Birdnest RC	Dec-25	BORNEO YIN WHO S/B
AMG PORTABLE	VHM	Sandakan	Birdnest RC	Dec-25	AMG PORTABLE
Oas Bird Nest Industry Sdn. Bhd.	VHM	Putatan	Birdnest RC	Dec-25	Oas Bird Nest Industry Sdn. Bhd.
Yann Lam Hin	VHM	Putatan	Birdnest RC	Dec-25	Yann Lam Hin

Jadual 28: Persijilan GVHP DVS Sabah

LOJI	PERSIJILAN	LOKASI / ULASAN
10 MCC	GMP	Ladang Jabatan / Swasta

Jadual 29: Persijilan GMP DVS Sabah

LOJI	PERSIJILAN	LOKASI / ULASAN	TEMPOH SAH LAKU
355 buah premis	MYGAP	WILAYAH 1 – 6	2024 – 2025

Jadual 30: Persijilan MyGap Walit DVS Sabah

Galeri 2024



20/02/2024 – Kursus Penternakan Itik



13-16/05/2024 – Kovensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi DVS 2024 yang diadakan di dewan UPM, Serdang Selangor.



24/06/2024 - Bengkel Penyediaan Program/ Projek Pembangunan RMKe-13



05-08/07/2024 – Pet Kingdom Expo 2024 yang diadakan di *SICC* Kota Kinabalu.



15-19/07/2024 – Majlis Perasmian Minggu Integriti dan Penutupan Program Minggu Integriti MAFFI



11-22/09/2024 - *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism* di *Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS)*, Serdang.



11-12/11/2024 - Persidangan & Mesyuarat Tahunan DVS 2024 yang diadakan di *Borneo Royale Hotel*, Tawau.



30/11/2024 - Majlis Perasmian Bangunan DVS Daerah Pitas / Penutupan Program Gabungan NDV4 /Kempen Kesedaran Umum Daerah Pitas 2024



13/12/2024 - Majlis Makan Malam Sempena Krismas dan Apresiasi DVS Wilayah KK 2024